

Hanya individu sihat dibenar pulang: TPM

BH-3/2/2020 m/s: 2

Rakyat kita wajib jalani saringan kesihatan di China sebelum dibenar naiki pesawat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hanya rakyat Malaysia yang sihat dan kini berada di Wuhan, China akan dibenarkan menaiki pesawat untuk dibawa pulang ke tanah air hari ini, dan seterusnya menjalani kuarantin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata sebelum berlepas, mereka diwajibkan menjalani tapisan kesihatan ditetapkan kerajaan China di Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe.

Setakat ini, katanya, seramai 132 orang membabitkan 108 rakyat Malaysia dan 24 bukan warganegara sudah mendaftar dengan kedutaan Malaysia di sana untuk dibawa pulang dari Wuhan.

"Misi disertai lapan orang iaitu enam pegawai Kementerian Kesihatan (KKM), seorang pegawai Agensi Pengurusan Bencana (NADMA) dan seorang pegawai Kementerian Luar.

"Pesawat AirAsia akan digunakan bagi misi ini dengan 12 kru. AirAsia sudah menetapkan tarikh penerbangan esok (hari ini) tertakluk kepada kelulusan

Kerajaan China," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, penerbangan itu turut membawa bantuan keperluan seperti penutup mulut, sarung tangan dan makanan yang tertakluk kepada senarai dipersetujui Kerajaan China.

"Saya bertemu semua pegawai yang akan menyertai misi termasuk kru penerbangan untuk mengucapkan terima kasih tidak terhingga kerajaan dan rakyat Malaysia khususnya keluarga yang terbabit atas pengorbanan mereka membantu membawa pulang rakyat Malaysia dari Wuhan.

"Saya juga menasihati mereka menjaga kebajikan dan kesihatan serta semua yang dibawa pulang," katanya.

Sebaik tiba ke tanah air, Dr Wan Azizah berkata, mereka yang dikesan mempunyai simptom coronavirus (2019-nCoV) akan terus dibawa ke hospital, manakala yang melepasi saringan akan dibawa menaiki bas ke pusat pemantauan di Unit Kecemasan Udara (ADU) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Saya mendapati persiapan dan kelengkapan perubatan sudah disediakan sebaik mungkin untuk pemeriksaan kesihatan.

"Saya sudah ke pusat pemantauan di ADU untuk meninjau bilik operasi, bilik penginapan dan fasiliti lain disediakan untuk semua 158 orang (termasuk lapan pegawai misi, 12 kru penerbangan dan enam pegawai kedutaan Malaysia di Beijing) untuk menjalani pemantauan selama 14 hari," katanya.

Beliau berpuas hati dengan semua atur gerak dan persiapan dibuat serta berterima kasih kepada semua agensi terbabit khususnya KKM, AirAsia, Malaysia Airport Berhad (MAHB), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan NADMA.

"Marilah kita doakan misi ini berjalan lancar dan semua yang dibawa pulang dari Wuhan serta pasukan misi dan kru terbabit selamat," katanya.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, tiada pertambahan kes positif coronavirus direkodkan di negara ini, dengan jumlahnya kekal lapan setakat jam 12 tengah hari semalam.

Beliau berkata, jumlah kumulatif pengesanan kes disyaki (PUJ) jangkitan coronavirus adalah 183 orang.

"Setakat ini, 18 orang masih menunggu keputusan makmal. Kontak rapat kepada kes positif coronavirus kekal 32 orang," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan melalui maklumat diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan perkembangan terkini mengenainya. Hubungi infoline Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPRC) KKM di talian 03-8881 0200/ 600/700 atau di e-mel cprc@moh.gov.my untuk mendapatkan maklumat mengenai jangkitan coronavirus," katanya.